



17 MAY, 2025

Energy Asia 2025 pacu peralihan tenaga serantau

Sinar Harian, Malaysia



Selaraskan hala tuju strategik tenaga serantau, pelaburan dan kerjasama rentas industri

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD KUALA LUMPUR

Forum Energy Asia 2025 anjuran Petroliaam Nasional Bhd (Petronas) dijangka menjadi pemangkin utama dalam mempercepatkan peralihan tenaga di Asia.

Naib Presiden Perhubungan dan Komunikasi Strategik Kumpulan Petronas, Ir Norafizal Mat Saad berkata, forum itu bertujuan menyelaraskan hala tuju strategik tenaga serantau selain merangsang pelaburan serta kerjasama rentas industri.

Menurutnya, ia akan mengetengahkan 50 sesi dialog merangkumi tujuh sub-tema utama termasuk penyelesaian kolaboratif untuk memacu keselamatan tenaga, menskalakan tenaga boleh diperbaharui dan menggunakan teknologi penyahkarbonan di seluruh rantau ini.

"Asia merupakan rantau pa-

ling berkembang pesat dan menyumbang kepada lebih separuh daripada populasi serta pelepasan gas rumah hijau dunia, maka kejayaan Asia mencapai matlamat sifar bersih penting untuk kejayaan global.

"Forum ini dijangka akan menjadi antara acara industri tenaga terbesar pada tahun ini dan secara tidak langsung memperkukuh Malaysia sebagai peneraju dialog tenaga serantau.

"Petronas juga mengiktiraf peranan media dalam membantu menyampaikan naratif seimbang berkaitan usaha peralihan tenaga di Asia kepada masyarakat global," katanya ketika ditemui selepas sesi Lunch Escape: Road to Energy Asia 2025 di sini pada Khamis.

Hadir sama, Ketua Pengarang Kumpulan Sinar Harian, Zamri Rambli.

Forum Energy Asia 2025 bermula 16 hingga 18 Jun ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur merupakan anjuran Petronas dengan kerjasama



(Dari kiri) Arni Laily, Smarco Ho, Peter Murray dan M Rafie ketika sesi Lunch Escape: Road to Energy Asia 2025 di ibu negara pada Khamis.

CERAWeek, S&P Global.

Forum yang mengangkat tema Delivering Asia's Energy Transition itu akan menghimpunkan lebih 180 penceramah antarabangsa dan lebih 4,000 delegasi global dari 50 negara dalam usaha merangka pe-

nyelesaian rentas sektor bagi masa depan tenaga yang lebih mampan dan bersih.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Kanan Petronas (Tenaga Asia & Strategi, Perancangan dan Tadbir Urus, Perhubungan Strategik Kumpulan dan

Komunikasi), Datin Ami Laily Anwarrudin berkata, Energy Park yang diperkenalkan sebagai sebahagian daripada forum tersebut akan menjadi pusat demonstrasi teknologi rendah karbon, selain menampilkan penyelesaian inovatif masa depan.

"Energy Park turut diperbesarakan dua hingga tiga kali ganda berbanding tahun lalu bagi memberi ruang kepada lebih banyak pameran teknologi dan inovasi terkini dalam industri tenaga.

"Sesi meja bulat Ketua Pegawai Eksekutif dijangka lebih produktif apabila peserta dibahagikan kepada kumpulan kerja bagi menghasilkan komitmen bersama ke arah kerjasama lebih berkesan," ujaninya.

Dalam pada itu, Arni Laily berkata, pihaknya bukan sahaja mahu melibatkan pembuat dasar dan pemain industri tetapi juga pelajar, juruteknik, usahawan serta pemain industri tenaga untuk bersama-sama mencari penyelesaian.